

Jangan tuduh semua rasuah — Mahathir

KUALA LUMPUR 27 Dis. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad tidak mahu dakwaan-dakwaan mengenai rasuah ke atas segelintir pemimpin kerajaan dijadikan asas untuk menuduh kerajaan Malaysia mengamalkan rasuah.

Perdana Menteri berkata secara amnya rasuah di Malaysia adalah di tahap paling minimum.

“Kalau tidak, bagaimana Malaysia boleh mencapai pertumbuhan 8.5 peratus sejak tujuh tahun yang lalu,” katanya semasa diwawancara secara langsung oleh *Asian Business News (ABN)* di Pusat Berita RTM sempena lawatannya ke Angkasapuri di sini, hari ini.

Dr. Mahathir menyatakan demikian apabila wartawan *ABN* di Singapura dalam wawancara tersebut bertanya mengenai tuduhan rasuah dan penyalahgunaan kuasa oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz.

Mengenai perkara itu sendiri, Dr. Mahathir berkata, Badan Pencegah Rasuah (BPR), polis dan mahkamah akan menentukan keadilan.

Jangan tuduh semua rasuah — Mahathir

“Saya percaya biarlah proses keadilan menentukan siapa yang bersalah,” katanya.

Dr. Mahathir mengemukakan, beliau tidak mahu buat sebarang kesimpulan “apabila ada dakwaan Rafidah berasuah, semua orang pun berasuah.”

Ditanya mengenai khabar angin bahawa beliau sering berselisih pendapat dengan Timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim, Dr. Mahathir sekali lagi menegaskan sebenarnya hubungan mereka adalah cukup baik dan tidak timbul soal perselisihan.

“Apa yang sebenarnya berlaku ialah pihak-pihak tertentu cuba menafsirkan apa yang dia cakap dan apa yang saya cakap.

“Saya dengannya berjumpa tiga kali seminggu dan pagi ini kami bertemu dan berbincang mengenai tugas masing-masing,” katanya.

Perdana Menteri juga ditanya mengenai isu-isu semasa ekonomi termasuk program penswastaan, yang menurut Dr. Mahathir, Malaysia banyak belajar daripada pelaksanaan dan kejayaan dasar tersebut.

Berdasarkan pengalaman ini, kata beliau, Malaysia akan terus membenarkan pelaburan asing menyertai

pasaran saham dan lain-lain sektor pembangunan.

“Masih banyak bidang yang mereka boleh ceburi kerana kerajaan sekarang dalam proses menyusun semula ekonomi negara,” ujar beliau.

Ditanya tentang kebimbangan syarikat-syarikat swasta terhadap mutu pekerja di lokasi-lokasi pelaburan yang hendak mereka lakukan, Dr. Mahathir berkata, ia adalah tidak berasas sekiranya pelaburan hendak dilakukan di negara ini.

“Pekerja-pekerja tempatan (Malaysia) kini boleh menguasai bidang-bidang yang mereka ceburi dengan pantas,” katanya.

Beliau memberitahu contoh, bidang komputer dan pengurusan, rakyat Malaysia kini boleh menguasainya dengan baik.

Berhubung dengan soal pilihanraya umum, beliau berkata, Malaysia masih mempunyai tempoh hari ini sehingga hujung tahun depan.

“Kami tidak punya sesuatu sebab untuk terkejut gapah mengadakan pilihanraya dan mempunyai cukup masa untuk memilih masa terbaik,” katanya.

Mengenai Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC), beliau berkata, Ma-

laysia tidak pasti bila tahap ekonomi negara-negara membangun di Asia boleh menandingi negara maju.

Kata beliau, pendapatan perkapita penduduk di negara ini adalah AS\$3,200 sedangkan di Jepun ialah sebanyak AS\$36,000.

“Mampukah kita menandingi mereka (negara maju) daripada segi pendapatan perkapita pada tahun 2020,” tanya beliau.

Sehubungan dengan itu, beliau berpendapat, sekiranya satu tempoh pelaksanaan ditetapkan, negara-negara membangun akan berbuat apa sahaja termasuk menetapkan harga yang tinggi bagi barangan keluaran mereka.

Ditanya pula tentang Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) pula, Perdana Menteri memberitahu, adalah tidak adil menuduh forum ekonomi longgar yang dicadangkan itu bersifat eksklusif dan berbahaya kepada kepentingan sejagat.

“Mereka (Barat) sudah membentuk bermacam-macam kumpulan eksklusif yang meminggirkan kita,” katanya sambil memberi contoh seperti Kesatuan Ekonomi Eropah dan Kawasan Perdagangan Amerika Utara.